

# Mahu MPKj atasi lembu terbiar

## Haiwan berkeliaran di Masjid Jamek Kajang ancam nyawa pengguna

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@berita-harian.com

**K**AJANG: Pengguna jalan raya berhampiran lampu isyarat Masjid Jamek Kajang di sini, mahu pihak berwajib bertindak segera mengatasi masalah lembu berkeliaran di kawasan itu.

Sikap tidak bertanggungjawab pemilik yang membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliaran tanpa dipantau bukan saja mencemar pemandangan, sebaliknya turut membahayakan pemandu kerana haiwan terbabit sering melintas jalan secara tiba-tiba.

Sehubungan itu, penduduk setempat yang sering menggunakan laluan terbabit meminta Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengambil tindakan undang-undang sebagai pengajaran kepada penternak yang cuai itu, sekali gus memastikan masalah sama tidak berulang.

Tinjauan *Sentral* mendapati

haiwan ternakan yang dibiarkan berkeliaran di jalan raya boleh mengancam nyawa pengguna kerana aliran trafik di situ sentiasa sibuk dan kenderaan selalunya dipandu laju bagi melepasi lampu isyarat sebelum ia bertukar.

Difahamkan, lembu milik penduduk setempat dari kawasan berdekatan yang dibiarkan meragut rumput secara bebas sehingga menyusahkan pihak lain.

Selain boleh mengancam keselamatan pengguna jalan raya, masalah itu turut menjejaskan imej pekan yang terkenal di seluruh negara sebagai 'Bandar Sate' itu.

Malah, pernah berlaku kemalangan di mana seekor lembu patah kaki akibat dilanggar kenderaan dan terpaksa dipindahkan dengan bantuan orang ramai.

Pekerja swasta, Noor Raizah Tajuddin, 27, dari Pahang, berkata beliau tidak menyangka bandar yang terkenal dan cantik itu masih



KEHADIRAN lembu ternakan yang berkeliaran berhampiran lampu isyarat Masjid Jamek Kajang mengundang bahaya.

dirundung masalah lembu yang berkeliaran.

Katanya, kehadiran lembu itu membahayakan pengguna jalan raya kerana sudah banyak kali berlaku kemalangan disebabkan terlanggar atau cuba mengelak haiwan ternakan itu.

Beliau menggesa MPKj bertindak tegas terhadap pemilik yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran di jalan raya walaupun sudah berulang kali diberi peringatan.

Kebimbangan sama disuarakan penunggang motosikal, Shahrul Khair Mustakim, 38, yang menyifatkan sikap tidak kisah penternak itu membiarkan ternakan mereka berkeliaran amat dikesali terutama kerana tiada tindakan diambil walaupun selepas berlaku kemalangan.

Katanya, penternak wajar mengambil iktibar daripada kemalangan yang berlaku disebabkan ternakannya itu dan lebih ber-

tanggungjawab dalam mengawal atau memantau haiwan milik mereka bila dilepaskan untuk meragut.

"Jika setakat najis lembu yang bersepah di jalan, tidak menjadi masalah tetapi jika haiwan itu melintas secara tiba-tiba dan mengakibatkan kemalangan, siapa yang harus dipersalahkan," katanya yang sering melalui jalan itu untuk membeli-belah di pekan Kajang.